

# U-Science, IPMB UMS anjur Wacana Ilmu bincang isu ekosistem rumput laut


UB 5.09.2021 P. 04

**KOTA KINABALU:** U-Science Universiti Malaysia Sabah (UMS) dengan kerjasama Institut Penyelidikan Marin Borneo (IPMB) menganjurkan satu program wacana ilmu yang membincangkan isu ekosistem rumput laut.

Wacana ilmu melalui siri Program 3S 'STEM Speaker Series' itu disiarkan langsung secara atas talian melalui platform Youtube rasmi U-Science hingga meraih sebanyak 2,255 tontonan.

Perkongsian ilmu berkaitan isu berkenaan disampaikan oleh Pensyarah Kanan IPMB Dr. Nazia Abdul Kadar dan dikendalikan oleh MySTEM Ambassador UMS Wahyudin Mohd Ramin sebagai moderator.

Dalam perkongsian itu, Nazia memaklumkan sejumlah 72 spesies rumput laut di dunia bertindak sebagai penapis, selain mampu mengawal pH air dan cuaca dengan menyerap jumlah



**KONGSI:** Nazia berkongsi isu berkaitan ekosistem rumput laut.

kandungan karbon dioksida dalam laut.

“Manusia turut menggunakan rumput laut sebagai baja, bahan pembinaan rumah, makanan tambahan dan juga dalam industri kraftangan.

“Namun, aktiviti manusia memberi ancaman kepada ekosistem rumput laut sehingga mengakibatkan kehilangan 35 peratus daripada jumlah keseluruhan rumput laut di dunia,” katanya.

Sehubungan itu katanya, aktiviti yang mampu menyumbang kepada pencemaran laut serta memusnahkan habitat dalam laut perlu ditangani agar ekosistem dasar laut terpelihara.